

R

ACH-8504
INVC...ms. 16/9/99

PASARAN NIAGA HADAPAN : ANALISIS PERBANDINGAN

KHAIRUL ANUAR AHMAD

Bahagian Pengajian Syariah
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
SESI 1998/99

Perpustakaan Universiti Malaya



A508675385

Dimikrofiskan pada..... 12.04.2000
No. Mikrofis..... 14606
Jumlah Mikrofis..... 3

lm
HANSIAH BT. MOHAMAD ZAHARI

UPR UNIT REPROGRAFI
PERPUSTAKAAN UTAMA
UNIVERSITI MALAYA

PASARAN NIAGA HADAPAN : ANALISIS PERBANDINGAN

oleh

KHAIRUL ANUAR AHMAD
IGA 97012

Disertasi ini dikemukakan untuk
memenuhi sebahagian daripada
keperluan ijazah
Sarjana Syariah

Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
SESI 1998/99

"Sebaik-baik tempat dalam sesebuah negara di sisi Allah ialah masjid-masjidnya dan seburuk-buruk tempat dalam sesebuah negara di sisi Allah ialah pasaran-pasarannya."

Hadis diriwayatkan oleh Muslim.

**Dedikasi buat:
Ayahanda,
Bonda,
Nenda.**

PENGHARGAAN

Kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan kehendak dan rahmatNya jua kajian ini berhasil dijalankan.

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Dr. Joni Tamkin b. Borhan selaku penyelia disertasi ini, kerana telah memberikan nasihat, tunjuk ajar dan galakan serta dorongan sepanjang proses kajian. Sepanjang berada di bawah tunjuk ajar beliau, banyak masalah yang boleh diselesaikan dan diatasi bersama.

Tidak lupa juga kalungan terima kasih untuk individu-individu yang telah memberikan bantuan semasa kajian iaitu :

Prof. Madya Dr. Mohd. Daud Bakar
Pensyarah
Fakulti Undang-undang
Universiti Islam Antarabangsa

Ustaz Md. Nurdin Ngadimon
Penolong Pengurus
Unit Pasaran Modal Islam
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

En. Nik Ruslin Nik Jaafar
Eksekutif Senior
Unit Pasaran Modal Islam
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Cik Sharine Zarena
Eksekutif
Jabatan Latihan dan Pendidikan
KLOFFE

En. Jimmy Wong
Pengurus
Operasi Lantai
KLCE/MME

Ucapan terima kasih juga kepada pihak Bahagian Pengajian Syariah dan Ijazah Tinggi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya yang banyak membantu dari segi hal-ehwal prosedur kajian ini. *JazākAllāh khayran* untuk staf-staf perpustakaan Universiti Malaya, Universiti Islam Antarabangsa di Gombak dan Petaling Jaya, Jabatan Kemajuan Islam, Suruhanjaya Sekuriti, Institut Kefahaman Islam Malaysia serta Bank Islam Malaysia Berhad

Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan; Hara Shintaro, Arfizal, Hudri, Zulkiflee, Rizal, Izamuddin, Hamzah, Akmar, Azham, Asmak, Shamsul Amri, Mohd. Najib, Mohd. Naquib serta kenalan-kenalan lain, terima kasih di atas jasa baik, dorongan dan bantuan kalian. Semoga Allah membalasnya.

Akhirnya, khas buat ayahanda Ahmad b. Mohd. Noor, bonda Tafrizah bt. Puteh Ismail, nenda Teh Radziah bt. Othman serta seisi keluarga, terima kasih tidak terhingga kerana memberikan dorongan material dan semangat untuk meneruskan perjuangan mencari setitis ilmu Tuhan. Sekian.



KHAIRUL ANUAR AHMAD

*Kolej Kediaman Ketiga
Universiti Malaya
Disember 1998*

SISTEM TRANSLITERASI HURUF ARAB

Konsonan

H. Arab	Transkripsi	H. Arab	Transkripsi
ء	Di tengah : '	ص	ṣ
ء	Di akhir : '	ض	ḍ
ء	Pemulaan : tidak ditulis	ط	ṭ
ا	a	ظ	ẓ
ب	b	ع	'
ت	t	ع	gh
ث	th	ف	f
ج	j	ق	q
ح	ḥ	ك	k
خ	kh	ل	l
د	d	م	m
ذ	dh	ن	n
ر	r	و	w
ز	z	ه	h
س	s	ي	y
ش	sh	...نة	at*
ة	ah**	...ات	at
ال	al		

*dalam bentuk bersambung seperti *sunnat al-Rasul*

**seperti *sunnah*

Vowel dan diftong

Vowel panjang	Vowel pendek	Diftong	Gandaan
اَ <u> </u> ā	<u> </u> a	و <u> </u> aw	يَّ lyy
و <u> </u> ū	<u> </u> u	ي <u> </u> ay	وَّ uww
ي <u> </u> ī	<u> </u> i		

SENARAI KEPENDEKAN

- cf. : *confer* (bandingkan).
- CPO: *Crude Palm Oil* (Minyak Sawit Mentah).
- ed. : *editor* (seorang penyunting).
- eds. : *editors* (2 orang penyunting).
- et al. : *et alii* (3 orang penyunting atau lebih).
- FIA : *Futures Industry Act* (Akta Perindustrian Niaga Hadapan).
- FIAA : *Futures Industry Act [Amendment]* (Akta Perindustrian Niaga Hadapan [Pindaan].
- ibid.* : *ibidem* (rujukan berturut).
- KLCE: *Kuala Lumpur Commodity Exchange* (Bursa Komoditi Kuala Lumpur).
- KLIBOR: *Kuala Lumpur Inter Bank Offered Rate* (Kadar Ditawarkan Antara Bank Kuala Lumpur).
- KLOFFE: *Kuala Lumpur Options and Financial Futures Exchange* (Bursa Opsyen dan Niaga Hadapan Kewangan Kuala Lumpur).
- KLSE: *Kuala Lumpur Stock Exchange* (Bursa Saham Kuala Lumpur).
- KLSE CI: *Kuala Lumpur Stock Exchange Composite Index* (Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur).
- MDCH: *Malaysia Derivatives Clearing House* (Rumah Penyelesaian Derivatif Malaysia).
- MFCC: *Malaysia Futures Clearing Cooperation* (Perbadanan Penyelesaian Hadapan Malaysia).
- MME: *Malaysia Monetary Exchange* (Bursa Kewangan Malaysia).
- op. cit.* : *opere citato* (rujukan berselang).

terj. : edisi terjemahan.

vide : lihat.

ISI KANDUNGAN

Dedikasi	i
Penghargaan	ii
Transliterasi	v
Senarai kependekan	vii
Isi kandungan	ix
Abstrak	xiii

PENDAHULUAN

Pengenalan	1
Kepentingan dan objektif kajian	2
Latarbelakang masalah	5
Kajian terdahulu (<i>literature review</i>)	7
Garis panduan kajian	16
Metodologi penyelidikan :	
i. Kerangka penyelidikan	18
ii. Pengumpulan data	20
iii. Penganalisaan data	21

BAB SATU**KONSEP PASARAN NIAGA HADAPAN**

1.1	Pasaran niaga hadapan: konsep dan takrifan	27
1.2	Kontrak niaga hadapan (<i>futures contract</i>) dan kontrak hadapan (<i>forward contract</i>)	36
1.3	Pelbagai bentuk kontrak niaga hadapan	39
	1.3 (i) Dagangan hadapan komoditi	41
	1.3 (ii) Niaga hadapan kewangan	42
1.4	Kepentingan dan objektif pasaran niaga hadapan	47
1.5	Kesimpulan	53

BAB DUA**PASARAN NIAGA HADAPAN DARI PERSPEKTIF FIQH****MUAMALAH**

2.1	Pendahuluan	58
2.2	Konsep jual beli dalam muamalah Islam	59

2.2 (i)	<i>Bay` al-ma`dūm</i>	65
2.2 (ii)	<i>Bay` al-dayn bi al-dayn</i>	72
2.3	Bentuk jual beli yang diharamkan syarak	78
2.3 (i)	Jual beli barangan yang diharamkan	78
2.3 (ii)	Riba	79
2.3 (iii)	<i>Gharar</i>	82
2.3 (iv)	Jual beli bersyarat dan pengecualian (<i>bay` al-shurūṭ wa al-thuniyā</i>)	86
2.4	<i>Bay` al-salām</i> dan <i>al-istiṣnā`</i>	91
2.5	<i>Bay` qabl al-qabḍ</i>	101
2.6	Spekulasi dan <i>qimār</i>	104

BAB TIGA

AGENSI-AGENSI DALAM PASARAN NIAGA HADAPAN

3.1	Broker (<i>al-Simsār</i>)	119
3.2	Rumah penjelasan (<i>Dār al-Wakālah</i>)	128

BAB EMPAT

PASARAN NIAGA HADAPAN : ANTARA MAŞLAĤAH DARŪRIYYAH DAN MAŞLAĤAH ĤĀJIYYAH

4.1	Konsep masalah	137
4.2	Kategori-kategori masalah	139
4.2 (i)	<i>Maşlahah darŭriyyah</i>	140
4.2 (ii)	<i>Maşlahah ĤĀjiyyah</i>	141
4.2 (iii)	<i>Maşlahah taĤsiniyyah/tazyiniyyah</i>	142
4.2 (iv)	<i>Maşlahah ʿāmmah, aghlabiyyah dan khāṣṣah</i>	142
4.3	<i>Maşlahah mursalah (istişlāĤ)</i>	143
4.4	Pengiktirafan <i>maşlahah mursalah</i> telah disepakati (<i>ittifāq</i>) oleh imam-imam mazhab	148
4.5	Pasaran niaga hadapan dan masalah	148

PENUTUP

Kesimpulan	160
Saranan	163
Bibliografi	
Lampiran	

A B S T R A K

Kajian ini membandingkan konsep pasaran niaga hadapan dari sudut konvensionalnya dengan fiqh muamalah. Rasional kajian ini dijalankan ialah untuk melihat perspektif Islam terhadap urusniaga ini. Dalam ulasan kajian terdahulu, dinyatakan permasalahan terhadap kajian iaitu tiadanya ketetapan hukum terhadap urusniaga bentuk baru ini, walhal senario ekonomi Malaysia telah menunjukkan kepentingan pasaran ini. Bagi menjelaskan kefahaman, konsep konvensional pasaran niaga hadapan serta pandangan *fuqahā'* fiqh muamalah dan sarjana ekonomi Islam perlu dikaji. Justeru, penerangan tentang konsep urusniaga ini diterangkan dalam Bab Satu manakala penyelidikan perbandingan dijalankan dalam Bab Dua dan Tiga. Bab Empat merupakan satu bentuk justifikasi terhadap kajian perbandingan bagi mengkaji kepentingan (*maslahah*) pasaran niaga hadapan. Andaian kajian ialah urusniaga pasaran niaga hadapan adalah diharuskan dalam syarak berdasarkan objektif urusniaga dan keharusannya itu tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.

A B S T R A C T

This research compares the conventional viewpoint of futures market concept with the Islamic Law of Transaction. The rationale of this research is to view the Islamic perspective of this transaction. The statement of the problem in the literature review shows the lack of juristic ruling pertaining to this type of transaction, eventhough the Malaysian economic scenario indicates its necessity. As to understand clearly, the conventional concepts of futures market and the views of Jurists of Islamic Law of Transaction and scholars of Islamic Economy need to be studied. Hence, the conventional concept of this transaction is elaborated in Chapter One while the comparative analysis is carried out in Chapter Two and Three. Chapter Four is a justification of the comparative analyses to study the futures market benefits. The research hypothesis states that such a transaction in futures market is permissible within the Islamic Law based on the objective of the transaction and its permissibility also depends upon certain rules and regulations.

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

Pengenalan.

Pertumbuhan ekonomi Malaysia yang rancak pada kadar purata 8.3 peratus setahun ¹ dari tahun 1990 hingga 7 bulan pertama 1997 mencerminkan satu bentuk peningkatan ekonomi yang dinamik. Ini menjadi petanda yang memberangsangkan dalam usaha merealisasikan wawasan 2020. Untuk mencapai status sebuah negara industri menjelang 2020, pertumbuhan ekonomi perlu disokong kuat oleh pengumpulan dan pengembangan dana melalui kewujudan pasaran kewangan. ²

Pada 7 bulan pertama 1997, pasaran modal terus menyokong pertumbuhan ekonomi dengan jumlah pengumpulan dana sektor awam dan swasta meningkat sebanyak 9.3 peratus kepada RM 20,717 juta, berbanding dengan RM 18,957 juta pada 1996, dengan dominasi sektor swasta pada jumlah dana kasar RM 25,487 juta (Januari-Julai 1997). ³ Ini disebabkan sokongan kerajaan (Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Sekuriti dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri) serta pihak swasta dalam menyediakan satu sistem pasaran kewangan (institusi, instrumen dan pasaran-pasarannya) yang meyakinkan. ⁴ Institusi bermaksud pihak yang terlibat dalam sistem ini seperti kerajaan (kementerian-kementerian), badan kerajaan (Suruhanjaya Sekuriti), pihak swasta (badan korporat dan institusi

kewangan), bursa-bursa dan rumah penyelesaian. Kesemua institusi ini membantu penciptaan instrumen-instrumen kewangan baru yang akhirnya membentuk satu sistem pasaran kewangan.

Gagasan menjadikan Malaysia sebagai pusat pasaran modal serantau⁵ serta imej pengurusan niagaan efisien yang telah diakui dunia⁶ tentunya mendapat perhatian para pelabur dalam dan luar negara. Lebih menarik lagi dengan teretusnya gagasan melahirkan sebuah pasaran modal Islam di negara ini. Usaha-usaha di peringkat awal telah dijalankan dengan penyenaian 317 buah syarikat sekuriti yang telah diluluskan untuk diletakkan di bawah indeks saham Islam oleh Suruhanjaya Sekuriti pada 18 Jun 1997.⁷ Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Dato' Dr. Mohd. Munir Abd. Majid melahirkan keyakinannya bahawa kepesatan pasaran modal Islam akan dapat memungkinkan negara menjadi sebuah pusat pasaran modal serantau.⁸

Kepentingan dan objektif kajian.

Laporan Ekonomi Malaysia 1997 menunjukkan satu peningkatan terhadap jumlah dagangan di bursa-bursa pasaran niaga hadapan. Pada 8 bulan pertama 1997, bursa KLOFFE mencatatkan kenaikan menggalakkan dengan peningkatan kontrak purata bulan sebanyak 20,362 kontrak

berbanding 6,400 kontrak pada 1996 pada tahap kenaikan sebanyak 218.2 peratus. Manakala bursa MME pula mencapai pusingan ganti kontrak sebanyak 61,575 kontrak dengan nilai *notional* RM 61,575 juta, berbanding 40,933 kontrak atau RM 40,933 juta pada tahun 1996. Begitu juga dengan KLCE yang mencatat kenaikan kecil dagangan minyak kelapa sawit mentah sebanyak 1,982 kontrak (49,550 tan metrik) pada tahun 1997 berbanding 1,957 kontrak (48,925 tan metrik) pada tahun 1996.⁹ Ini menjadi petanda bahawa permintaan terhadap pasaran niaga hadapan telah meningkat di Malaysia.

Kajian tentang pasaran niaga hadapan amat penting untuk memberikan respon terhadap keperluan pelaburan yang semakin mendesak. Pelaburan dalam pasaran ini merupakan satu mekanisme untuk menarik lebih banyak modal ke sesebuah negara. Kajian perlu dibuat untuk menghasilkan satu kesimpulan yang meyakinkan pelabur-pelabur Islam terutamanya, atau sekurang-kurangnya memberi satu gambaran positif tentang instrumen ini. Jika keyakinan umat Islam sudah wujud, maka tentunya masalah pengaliran modal dari negara-negara Islam yang kaya di Timur Tengah ke negara-negara Barat dapat dikurangkan.

Roula Khalaf menulis, "penerimaan sistem bank Islam telah meningkat, tetapi larangan al-Quran tentang penerimaan dan pembayaran riba (*interest*) membawa maksud sebaliknya iaitu, hampir 75 peratus dana

bank-bank Islam dilaburkan dalam dagangan komoditi jangka pendek." Laporan yang sama juga menambah, "dianggarkan hampir USD 50 billion dana yang dilaburkan secara Islam telah digunakan untuk aktiviti dagangan komoditi (niagaan hadapan komoditi)." Lebih menyedihkan lagi, kebanyakan orang tengah (*middleman*) yang menguruskan aktiviti urusniaga terdiri daripada bank-bank negara Barat seperti Citibank. ¹⁰ Mengapa negara-negara Islam yang kaya tidak mengalirkan modalnya ke negara-negara Islam lain; yang lebih memerlukan modal tersebut?

Kenyataan di atas menunjukkan kepentingan kajian dalam pasaran niaga hadapan bagi meningkatkan dana pasaran modal sesebuah negara Islam. Dewasa ini, tiada pandangan yang komprehensif dari perspektif Islam tentang kedudukan hukum melibatkan diri dalam urusniaga pasaran niaga hadapan ini. Gambaran yang jelas terhadap hukumnya diperlukan oleh masyarakat Islam bagi menilai baik buruknya sistem urusniaga sebegini. Kita tentu tidak mahu ekonomi umat Islam berada dalam dominasi orang lain kerana lemahnya pemahaman terhadap sistem ekonomi Islam itu sendiri. Kajian ini menggarap persepsi fiqh dalam bidang pasaran modal. Ringkasnya, kepentingan dan objektif kajian adalah seperti berikut :

- i. Mengkaji sama ada aktiviti pasaran niaga hadapan selari dengan roh syariah atau sebaliknya.

- ii. Melahirkan perspektif baru kepada masyarakat Islam tentang pasaran niaga hadapan dengan lebih jelas.
- iii. Memberikan sumbangan penyelidikan kepada pihak-pihak berkenaan dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat pasaran modal serantau.
- iv. Menambahkan hasil kajian dalam bidang kewangan Islam.

Latar belakang masalah.

Pasaran niaga hadapan merupakan satu bentuk sumbangan kepada pasaran modal bagi pertambahan dana sesebuah negara. Bagi negara-negara Islam yang masih bergantung kepada sumber komoditi, transaksi ini amat penting bagi menstabilkan harga komoditi dan melindungi nilainya. Negara-negara Timur Tengah yang kaya dengan sumber asli sepatutnya menyediakan satu bentuk pengurusan risiko pelaburan kewangan yang mencukupi, untuk mengelakkan perpindahan pusat pelaburan ke negara-negara Barat; yang mana ini sudah tentu merugikan ummah sendiri. Tetapi realiti ini nampaknya masih lagi tidak wujud di negara-negara tersebut.

Kesempatan ini sepatutnya digunakan oleh Malaysia yang menerima Islam sebagai agama rasminya dalam menjalankan kajian-kajian yang lebih terkehadapan. Setakat ini, kajian-kajian tersebut telah dijalankan dan masih di peringkat awal disebabkan sumber-sumber maklumat dari muamalah Islam yang terbatas. Ketiadaan dalil yang jelas di dalam nas tentang hukum berurusniaga dalam pasaran niaga hadapan telah melahirkan berbagai pendapat *'ulamā'* dan *'fuqahā'*. Kepelbagaian pendapat *'fuqahā'* menyebabkan tiada satu konklusi yang meyakinkan.

Kedadaan ini menimbulkan berbagai-bagai persoalan di fikiran umat Islam sama ada bentuk urusniaga ini boleh dikategorikan sebagai menepati kehendak syarak atau sebaliknya. Jika tiada penyelesaian terhadap masalah ini, ia mungkin akan merugikan pencapaian ekonomi negara Islam sendiri.

Satu kajian perbandingan antara pasaran niaga hadapan dengan fiqh muamalah perlu dijalankan bagi menyelesaikan persoalan yang masih bermain di benak umat Islam. Kajian ini berusaha mengupas permasalahan tersebut dan cuba melahirkan persepsi baru terhadap urusniaga pasaran niaga hadapan.

Kajian terdahulu (*literature review*).

Kajian tentang pasaran niaga hadapan dalam Islam cenderung untuk memberikan pandangan yang negatif terhadap urusniaga ini disebabkan tiadanya nas yang menerangkan tentang urusniaga ini dan muamalah sebegini tidak wujud di zaman awal Islam. Tidak mustahil rujukan dalam lapangan ini juga agak terhad. Pengkaji-pengkaji kontemporari nampaknya memberikan perhatian penting terhadap pasaran niaga hadapan. Berbagai-bagai pandangan dan fatwa yang tidak sependapat diberikan oleh pengkaji-pengkaji ekonomi dan pakar perundangan Islam.

Akademi Fiqh yang berpusat di Mekah sebagai contoh, telah melarang urusniaga dalam pasaran niaga hadapan dan menfatwakan ia diharamkan.¹¹ M. U. Chapra menegaskan bahawa pasaran niaga hadapan (*futures market*) yang membenarkan operasi jualan pendek (*short selling*) ialah satu bentuk spekulasi yang tidak mendatangkan apa-apa faedah ekonomi. Ia tidak mengandungi apa-apa faedah berbanding pasaran hadapan (*forward market*) yang membolehkan pengeluar atau pengguna menjalankan aktiviti serahan mengikut perjanjian yang dipersetujui bersama.¹² Tambahnya lagi, pasaran niaga hadapan yang tidak bertujuan membuat atau menerima serahan barangan menyebabkan berlakunya perubahan harga yang tidak sihat dalam pasaran. Ini kerana faktor spekulasi ditambah pula dengan kemudahan *leverage* (menggunakan modal yang sedikit untuk membeli dalam kuantiti

yang banyak) yang menyebabkan permintaan meningkat atau berkurangan. Pengecutan dan pengembangan jumlah transaksi (*volume of transaction*) akan menyebabkan turun naik harga yang tidak terkawal dan tidak boleh ditentukan. Ini akan menyebabkan munculnya suasana ketidakstabilan harga dalam pasaran. ¹³

M. A. Mannan juga sependapat dengan M.U. Chapra bahawa transaksi niaga hadapan tidak dibenarkan oleh Islam memandangkan terdapatnya unsur-unsur spekulasi.¹⁴ Urusniaga bentuk ini boleh mendatangkan mudarat kepada masyarakat kerana mengganggu sistem pasaran. Kenyataan beliau diasaskan pada hadis riwayat Ibn `Umar ¹⁵ dan Ḥakīm ibn Ḥizām ¹⁶ yang mana Rasulullah melarang penjualan barang-barang yang telah dibeli tetapi tidak melalui proses penerimaan (*al-qabḍ*) atau barangan yang tiada pada seseorang.

Muhammad Akram Khan juga berpandangan sedemikian dengan menyatakan bahawa pasaran niaga hadapan adalah asing dalam perundangan Islam kerana ia melibatkan urusniaga tanpa pertukaran sebenar, yang mana ia dilarang keras oleh Rasulullah. ¹⁷ Selanjutnya beliau mengutarakan beberapa permasalahan yang terdapat dalam pasaran niaga hadapan antaranya : ¹⁸

- i. Pelabur-pelabur kecil sukar untuk memperolehi keuntungan kerana kemampuan spekulator profesional dan firma-firma perniagaan besar membuat analisa pasaran. Akibatnya pelabur kecil yang mula berurusniaga terus keluar pasaran dan hanya spekulator lama yang menguasai pasaran.
- ii. Pelabur baru dipujuk untuk menyertai pasaran niaga hadapan oleh firma-firma besar melalui pekerja-pekerjanya yang bertakon sebagai pelabur bebas. Akibat kekurangan maklumat dan pengetahuan, pelabur baru tersebut akan kekeringan modal akibat pengaruh pelabur bebas yang telah lama berada dalam pasaran.
- iii. Sesetengah broker membuat "dwi-niagaan", bermaksud menguruskan perniagaannya terlebih dahulu sebelum memenuhi permintaan pelanggannya. Nampaknya kepentingan peribadi lebih diutamakan dari kehendak pelanggan.
- iv. Pasaran niaga hadapan tidak mengandungi unsur-unsur kepastian kerana perubahan gred, tempat serahan, harga yang dipersetujui malah tarikh tetap kontrak juga tidak ditetapkan kerana ia boleh diselesaikan (*off-setting*) pada bila-bila masa

sebelum tarikh matang. Transaksi ini mengandungi unsur *bay' al-gharar* yang dilarang oleh Rasulullah.

- v. Walaupun pelbagai kawalan dibuat terhadap manipulasi pasaran, adalah menjadi kebiasaan "orang dalam" (*insiders*) akan mempergunakan maklumat lebih awal sebelum ia diketahui pelabur-pelabur lain. Penghebahan khabar angin oleh pelabur-pelabur besar boleh mengubah arah pasaran yang akhirnya mendatangkan pulangan besar kepada mereka.

Kenyataan M. Akram Khan di atas telah diulas oleh Syed Abdul Jabbar Shahabudin (Ketua Eksekutif KLCE) dalam tulisan lain.¹⁹ Beliau nampaknya kurang bersetuju dengan beberapa kenyataan M. Akram Khan yang tidak memberikan gambaran jelas tentang sistem pasaran niaga hadapan dan kontrak niaga hadapan itu dalam realiti sebenar. Padanya, kebanyakan kenyataan M. Akram Khan berbentuk andaian-andaian yang tidak dibuktikan secara fakta dan realiti sebenar. Komen pertama beliau ialah tentang kenyataan Akram Khan yang menyatakan bahawa pasaran hadapan (*forward market*) sesuai digunakan kerana kebarangkalian untuk penyerahan fizikal (*physical delivery*) lebih tinggi berbanding pasaran niaga hadapan (*futures market*). Menurut S. A. Jabbar, memanglah berlaku kadar penyerahan fizikal yang lebih tinggi dalam pasaran hadapan berbanding pasaran niaga hadapan, tetapi pelabur juga boleh membuat keputusan untuk memilih tidak

melakukan penghantaran fizikal dalam pasaran hadapan dan melakukan penghantaran fizikal dalam pasaran niaga hadapan. Pada pandangannya, tiada perbezaan jika seseorang berurusniaga dalam pasaran hadapan dan pasaran niaga hadapan. Tambahnya lagi, kemungkinan berlakunya ketidakupayaan memenuhi terma-terma kontrak (*default contract*) lebih tinggi dalam pasaran hadapan berbanding pasaran niaga hadapan. Ini sudah pastinya akan menimbulkan berbagai perbalahan dan rasa tidak puas hati. Sebenarnya, masalah ini amat jarang berlaku dalam pasaran niaga hadapan kerana kewujudan mekanisme jaminan iaitu rumah penyelesaian.²⁰

Dalam permasalahan kewujudan manipulasi dalam pasaran niaga hadapan yang dilontarkan oleh Akram Khan, S.A. Jabbar menjawab bahawa manipulasi boleh diatasi dalam niaga hadapan. Tetapi beliau tidaklah menafikan tiada unsur manipulasi langsung dalam pasaran niaga hadapan, cuma keadaannya boleh dikurangkan ke tahap yang paling minimum. Beberapa mekanisme pengawalan manipulasi telah diwujudkan dalam pasaran niaga hadapan seperti laporan kedudukan semasa pelanggan atau pelabur (*reportable position of client*). Laporan ini meminta setiap ahli bursa (bursa, broker dan rumah penyelesaian) melaporkan pada setiap hari mengenai kedudukan pelaburan pelanggannya untuk mengelakkan lebihan pembelian atau penjualan kontrak. Tambahan lagi, kebanyakan bursa mensyaratkan sesuatu kedudukan pelabur atau pelanggan dihadkan; yang mana tiada pelabur yang mempunyai kedudukan melebihi tahap tertentu

yang disebut had kedudukan spekulatif (*speculative position limit*). Pelindung nilai (*hedger*) terkecuali dari had kedudukan spekulatif ini, tetapi dia mestilah membuktikan kepada bursa bahawa urusniaganya hanyalah untuk tujuan lindung nilai sahaja.²¹

Walau bagaimanapun, beliau sependapat dengan beberapa isu yang ditimbulkan Akram Khan iaitu tentang prinsip-prinsip asas pasaran Islam.

Menurut Akram Khan ;

*" The market in the Islamic economy operates on the free-will of buyers and sellers. All production and consumption decisions are made by individual and institutions on the basis of their respective judgements. The prices are determined by the free flows of supply and demand, except where a seller may be able to fix price on the basis of cost plus mark-up due to imperfect market conditions. In general, the state does not intervene with market operations, except where economic justice is at stake or where the general public is facing hardship due to natural calamities or because of manipulations of the economically powerful segments of the market. "*²²

Menurut S.A. Jabbar, beberapa ciri pasaran niaga hadapan mempunyai persamaan dengan prinsip-prinsip pasaran dalam Islam sepertimana yang dinyatakan Akram Khan di atas. Dalam niaga hadapan, perniagaan dibuat secara laungan terbuka (*open outcry*), yang mana pembeli dan penjual mempunyai kebebasan individu untuk membuat penawaran dan permintaan. Wujud juga beberapa sistem kawalan untuk melindungi pasaran seperti arahan niagaan yang disahkan mengikut prioriti masa (*time*

stamping order), larangan melakukan urusan secara mendahului pelanggan (*prohibition of trading ahead of clients*) atau melakukan urusan berlawanan dengan arahan pelanggan (*trading against client's orders*), pengasingan akaun pelanggan (*segregation of client's account*), had dan laporan kedudukan (*reportable position and position limit*) dan sebagainya. Tambahnya lagi, wujud aliran maklumat yang bebas di dalam dan luar pasaran berdasarkan masa sebenar (*real time basis*) seluruh dunia. Kerajaan juga tidak boleh campurtangan dalam pasaran niaga hadapan melainkan ada keperluan tertentu seperti krisis kewangan yang besar atau seumpamanya.²³

Ṣubḥī Maḥmaṣṣānī menyatakan bahawa kontrak niaga hadapan adalah tidak sah pada asalnya dalam Islam kerana tiada objek yang ditukarkan semasa kontrak. Terkecuali dalam kes ini ialah *bay' al-salam* yang dibenarkan Islam pada pandangan jumhur. Baginya pemilikan adalah penting dalam sebarang urusan jual beli.²⁴

ʿAbd al-Karīm al-Khaṭīb menjelaskan bahawa kontrak niaga hadapan tidak memenuhi keseluruhan syarat-syarat kontrak yang konvensional, walaupun ia dikawalselia sepenuhnya, hingga memuaskan hati pihak penguatkuasa (*regulator*). Namun begitu, dari aspek prosedur niagaan yang terkawal dan *standard* serta jaminan rumah penyelesaian boleh menghilangkan unsur-unsur ketidakpastian dan *gharar*.²⁵

Muhammad Hashim Kamali mengolah semula pemahaman terhadap beberapa pandangan pengkaji Islam kontemporari dalam pasaran hadapan. Menurutnya, sesetengah pengkaji Islam terlalu mengikut taklid yang keterlaluan sehingga melihat sebelah mata terhadap urusan niaga ini. Justeru keputusan negatiflah yang menjadi jawapan.²⁶ Beliau membahaskan beberapa isu yang hangat dibincang oleh pengkaji Islam kontemporari berkaitan pasaran niaga hadapan, di antaranya ialah :

- i. Ketidakwujudan barang dan tiada bayaran semasa kontrak; hanya pertukaran kertas dokumen, bukannya transaksi secara biasa. Boleh juga dikatakan niaga hadapan adalah pertukaran persetujuan; dibuat untuk satu tujuan iaitu spekulasi membuat untung. Dalam syarat fiqh muamalah mesti ada salah satu unsur sama ada bayaran (*bay` al-salam*) atau serahan (*bay` al-mu'ajjal*) dilakukan semasa majlis akad. Jika tiada kedua-dua unsur, maka transaksi adalah tidak sah.

- ii. Niaga hadapan dikatakan tidak sah kerana menjalankan operasi jualan pendek (*short selling*) yang mana penjual tidak memiliki barangan yang hendak dijual (*bay` al-ma`dūm*). Padahal tujuan jual beli adalah untuk memindahkan hak milik penjual kepada

pembeli. Ini berdasarkan hadis Rasulullah yang bermaksud :

" Ja'far ibn Abī Waḥshīyah berkata : diriwayatkan dari Yūsuf ibn Māhak, dari Ḥakīm ibn Hizām katanya : Aku bertanya Rasulullah, "Wahai Rasulullah! Seorang pemuda datang kepadaku dan meminta aku menjual kepadanya sesuatu (barang) yang tiada padaku. (Tanyanya padaku) adakah engkau boleh membelinya di pasar dan menjualnya kepadaku?" Rasulullah menjawab, "Janganlah kamu menjual sesuatu yang tidak ada padamu." " 27

- iii. Niaga hadapan tidak mencukupi syarat serahan (*sharṭ al-qabḍ*).
- iv. Penangguhan urusan niaga kepada sesuatu tarikh di masa akan datang menukar konsep jualan hadapan kepada jualan hutang kepada orang lain (*bay' al-dayn bi al-dayn*) yang mana ia ditegah oleh Islam.
- v. Niaga hadapan adalah satu bentuk spekulasi yang boleh membawa kepada perjudian dan risiko yang tidak pasti (*gharar*). Unsur-unsur perjudian ini jugalah yang menyebabkan ketidakstabilan harga komoditi di pasaran.

Ringkasnya, permasalahan yang timbul berpunca dari fahaman yang berbeza terhadap pemahaman nas syari'i. Kebanyakan pengkaji dalam

persoalan pasaran niaga hadapan ini menghadkan fahaman nas secara mutlak, tanpa mengambil kira kewibawaan usul fiqh dan fenomena permasalahan ekonomi umat Islam yang mundur dewasa ini. Akibat dari tidak wujudnya satu tafsiran syariah yang realistik, bertaklid kepada hasil kajian lama dan tidak banyak kemahiran dalam bidang ekonomi konvensional, maka ia akan memberi kesan ekonomi kepada negara Islam. Jika tidak wujud satu kajian baru, maka pemahaman konsep pasaran niaga hadapan dari perspektif Islam akan menjadi lebih kabur dan tiada satu kesimpulan yang dapat dijadikan asas perbincangan pada masa akan datang.

Garis panduan kajian.

Setelah meneliti kajian terdahulu, nyatalah bahawa pasaran niaga hadapan masih perlu dikaji dengan lebih mendalam dari aspek konvensional serta sudut fiqh muamalah. Untuk itu, konsep asas pasaran niaga hadapan (*the nature of futures market*) diperjelaskan terlebih dahulu untuk memberikan pemahaman dari aspek teknikal. Analisis terhadap konsep diperdalamkan lagi dengan menilai ulasan-ulasan penulisan terdahulu tentang bidang ini. Hasil-hasil dari kritikan ini diringkaskan menjadi andaian kajian atau hipotesis.

Sintesis dibuat dengan menjalankan kajian perbandingan (*comparative research*) di antara konsep niaga hadapan konvensional dengan beberapa topik muamalah Islam seperti *al-bay'*, *bay' al-ma'dūm*, *bay' al-dayn bi al-dayn*, *bay' al-salam* dan *al-istiṣnā'*, *bay' qabl al-qabḍ*, *al-qimār*, *al-simsār* dan *dār al-wakālah*. Penganalisan sumber atau data dijalankan dengan menggunakan kaedah utama penyelidikan syariah iaitu *uṣūl al-fiqh* dan *qawā'id fiḥhiyyah*. Kaedah utama ini turut dibantu oleh kaedah-kaedah asas pemahaman logik induktif dan deduktif supaya dapat membantu pengkaji memilih pandangan terbaik dari berbagai-bagai pendapat. Asas penganalisan lebih cenderung kepada penggunaan kaedah-kaedah penyelidikan syariah demi menjaga objektif-objektif syariah (*maqāṣid al-sharī'ah*).

Kesimpulan-kesimpulan akan diperbincangkan sama ada ia mempunyai nilai-nilai praktikal atau sekadar nilai ilmiah sahaja. Jika ada nilainya yang praktikal, satu bentuk cadangan perlu dikemukakan kepada pihak tertentu untuk dilaksanakan. Sekiranya ia bernilai ilmiah, maka kajian-kajian lanjut perlu diteruskan bagi memperlengkapkan bidang ini.

Metodologi penyelidikan.

i. Kerangka penyelidikan.

Bab Pendahuluan merupakan imbasan awal kajian ini meliputi aspek kepentingan ekonomi pasaran niaga hadapan dengan berlatarbelakangkan senario ekonomi Malaysia. Kepentingan pasaran niaga hadapan dikemukakan bagi mengukuhkan tujuan-tujuan kajian. Proses kajian berada pada titik permulaan dengan mengemukakan permasalahan yang menjadi latar belakang kajian. Latar belakang masalah ialah punca utama yang melahirkan persoalan tentang isu-isu dalam kajian ini. Isu-isu dan permasalahan kajian dikemukakan berdasarkan kajian-kajian terdahulu. Metodologi kajian digalurkan untuk melihat kaedah atau bentuk penyelidikan yang dipilih bagi menyelesaikan permasalahan kajian. Namun begitu, dalam melaksanakan kajian ini sudah pasti berhadapan dengan batasan-batasan, skop serta limitasi kajian.

Bab Satu merangkumi penjelasan konsep konvensional pasaran niaga hadapan bagi memberikan gambaran yang jelas terhadap mekanisme urusniaga. Kajian lebih ditumpukan terhadap asas urusniaga iaitu kontraknya. Turut dikaji dalam bab ini ialah institusi dan instrumen yang membantu sistem pasaran ini. Adalah penting di peringkat awal untuk memahami susur galur mekanisme niaga hadapan sebelum membincangkannya dari sudut

muamalah kerana hukum baru dalam syarak mengambil kira kejelasan terhadap keadaan (konsep) sesuatu perkara itu (*al-ḥukm `alā shai' far`un `an taṣawwurih*).

Penilaian data dan maklumat dilakukan dalam Bab Dua untuk membandingkan antara pasaran niaga hadapan dengan fiqh muamalah. Beberapa topik fiqh muamalah terutamanya konsep jual beli (meliputi jual beli yang diharuskan dan diharamkan) dijadikan asas utama perbandingan. Turut dikaji selain asas utama perbandingan ialah beberapa bentuk akad penama (*al-`uqūd al-musammā*) dalam muamalah Islam yang kemungkinan ada kaitannya dengan konsep niaga hadapan. Manakala dalam Bab Tiga pula, kupasan dibuat terhadap beberapa agensi penting yang terlibat dalam sistem pasaran niaga hadapan daripada perspektif fiqh muamalah. Penilaian data dalam Bab Dua lebih ditumpukan pada aspek teori dan konsep pasaran niaga hadapan, manakala analisa dalam Bab Tiga dijalankan ke atas agensi-agensi yang terbabit.

Justifikasi kepentingan pasaran niaga hadapan dari perspektif Islam dapat dilihat dalam Bab Empat. Dalam bab ini, teori *maṣlaḥah* dikupas untuk melihat kebarangkalian selarinya sistem pasaran niaga hadapan syarak. Hasil justifikasi ini dirumus dalam Bab Penutup di samping menyatakan beberapa cadangan.

ii. Pengumpulan data.

Sumber-sumber data primer dan sekunder diperolehi kebanyakannya dari kajian perpustakaan. Kajian perpustakaan melibatkan beberapa perpustakaan seperti di Universiti Malaya, Universiti Islam Antarabangsa, Bank Islam Malaysia Berhad, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Institut Kefahaman Islam Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti. Kebanyakan sumber adalah buku-buku, jurnal, laporan, bahan tidak diterbitkan (disertasi) dan kertas seminar berkaitan pasaran niaga hadapan. Bagi menambahkan sumber-sumber data, temubual dijalankan terhadap pihak-pihak terlibat seperti KLOFFE, MME dan KLCE. Justifikasi wakil-wakil ini dipilih sebagai responden ialah kerana mereka terlibat secara langsung dengan urusniaga ini. Responden lain juga terdiri daripada pihak yang terlibat secara langsung dalam kajian-kajian muamalah Islam malah mereka telah banyak menyumbang dalam penggubalan polisi-polisi kewangan Islam. Mereka ini berkhidmat di universiti tempatan dan institusi seperti Unit Pasaran Modal Islam, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Data sekunder meliputi sumber dari keratan akhbar dan artikel dalam majalah. Tidak ketinggalan juga, kemudahan internet digunakan bagi memperoleh bahan-bahan berkenaan topik pasaran niaga hadapan.

iii. Penganalisan data.

Secara umumnya, asas kajian bertolak dari kaedah fiqh (*juristic maxim*) "setiap sesuatu itu adalah harus (hukumnya), melainkan ada dalil yang mengharamkannya." ²⁸ Kaedah ini dipersetujui sebahagian besar ulama (*jumhūr al-`ulamā`*) dalam soal-soal berkaitan muamalah, bukan dalam hukum-hakam ibadat. Dalam hukum berkaitan ibadat, kaedah adalah *vice versa*.

Andaian yang dibuat terhadap urusan niaga ini ialah pengharusannya melainkan ada dalil-dalil *naqli* dan *`aqli* yang mengharamkannya. Dalil *naqli* yang dimaksudkan di sini merujuk kepada sumber-sumber dari perbendaharaan fiqh manakala dalil *`aqli* melibatkan sumber-sumber maklumat berkaitan pasaran niaga hadapan dari aspek konvensional. Kedua-dua dalil atau data perlu diasimilasikan bagi mengeluarkan perspektif baru.

Untuk menganalisa data, kaedah fiqh (*qawā`id fiqhiyyah*) lebih banyak digunakan berbanding kaedah *uṣūl al-fiqh*. Data-data konvensional akan dianalisa menggunakan kaedah logik induktif dan deduktif. Kaedah induktif digunakan untuk menghuraikan pemahaman terhadap sesuatu konsep atau terma-terma (istilah) tertentu. ²⁹ Dalam kajian ini, ia digunakan dalam proses pendefinisian, penghuraian terhadap angka-angka data dan pemahaman

konsep sistem pasaran niaga hadapan. Kaedah deduktif pula ialah penjurusan konsep yang telah dihuraikan untuk membentuk satu kesimpulan yang khusus.³⁰ Kaedah ini digunakan bagi membuat kesimpulan yang diperolehi dari huraian pada sesetengah bab. Pada hakikatnya, analisa perbandingan dijalankan bertujuan menilai justifikasi urusan niaga ini dari sudut kepentingannya (*maṣlahah*), sama ada ia dikategorikan dalam *maṣlahah darūniyyah* atau *maṣlahah ḥājīyyah*.

Limitasi dan skop kajian.

Kajian dihadkan oleh beberapa masalah terutamanya kesukaran mendapatkan bahan rujukan klasik Islam yang menyentuh secara spesifik tentang permasalahan berkaitan pasaran niaga hadapan. Kebanyakan topik dalam sumber-sumber tersebut juga tidak memberikan satu pemahaman yang *standard* disebabkan wujudnya berbagai pandangan mazhab tentang hukumnya. Manakala bahan-bahan tulisan moden (konvensional) pula menulis dengan spesifik setiap topik perbincangan tetapi tidak mengulas atau menganalisa pandangan Islam terhadap urusan niaga ini dengan jelas dan tepat.

Proses memahami konsep pasaran niaga hadapan mengambil masa agak panjang memandangkan pengkaji tidak mempunyai latar pengetahuan

yang agak mendalam dalam bidang kajian ini. Limitasi masa kajian sedikit sebanyak mempengaruhi keketatan analisis dan menyempitkan skop kajian.

Skop kajian dihadkan dengan melihat aktiviti-aktiviti pasaran niaga hadapan di Malaysia sahaja, walaupun kajian terhadap konsepnya dibuat berdasarkan sistem pasaran niaga hadapan antarabangsa. Ini menyebabkan hanya sebahagian kontrak niaga hadapan yang boleh dikaji, sedangkan kontrak niaga hadapan telah bertambah dari masa ke semasa. Kajian terhadap konsep perlu dibuat mengikut sistem pasaran niaga hadapan antarabangsa kerana perkembangan pasaran niaga hadapan yang masih baru di Malaysia (komoditi baru mencecah 2 dekad manakala pasaran niaga hadapan kewangan tidak sampai satu dekad.)

NOTA HUJUNG

- ¹ Kementerian Kewangan Malaysia, *Laporan Ekonomi Malaysia 97/98*, hal. 205.
- ² Pasaran kewangan (*financial market*) boleh dibahagikan kepada 2 kategori, iaitu pasaran wang (*money market*) dan pasaran modal (*capital market*). Pasaran wang pada kebiasaannya berkaitan dengan dana jangka pendek (*short-term fund*) manakala pasaran modal adalah sebaliknya. Untuk keterangan lanjut, lihat Radiyallah Hj. Mansor, "An Analysis of Islamic Financial System", (disertasi M.A., 1996), National University of Singapore, hal. 36-42.
- ³ Kementerian Kewangan Malaysia, *op. cit.*, hal. 207.
- ⁴ Sudin Haron dan Bala Shanmugan, *Islamic Banking System: Concept and Application*, (1997), KL: Pelanduk Publications, hal. 170-181.
- ⁵ Rujuk teks ucapan alu-aluan Dato' Dr. Mohd. Munir Abd. Majid dalam *International Islamic Capital Conference '97*, laman jaring Suruhanjaya Sekuriti : <http://www.sc.com.my>, 12 Julai 1998.
- ⁶ Sebagai contoh, KLOFFE telah diiktiraf sebagai bursa niagaan hadapan terbaik dari segi kecekapan pengurusanannya bagi tahun 1996 oleh World Equity Magazine. Lihat laman jaring KLOFFE : <http://www.kloff.com.my/oview.htm>, 12 Julai 1998.
- ⁷ Kementerian Kewangan Malaysia, *op. cit.*, hal. 213.
- ⁸ Lihat akhbar *Utusan Malaysia 16 Julai 1997*, laman jaring Utusan Malaysia : <http://www.utusan.com.my>, 12 Julai 1998.
- ⁹ Kementerian Kewangan Malaysia, *op. cit.*, hal. 214.
- ¹⁰ Roula Khalaf, "An Inherent Contradiction" dalam *Financial Times (London)*, (15 Disember 1994), hal. 42.
- ¹¹ "Latest Islamic Fiqh Academy Rulings on Finance" dalam *Journal of Islamic Banking and Finance* [Vol. 11, No. 2], (April-June 1994), Karachi : tiada penerbit, hal. 59; cf. Muhammad Hashim Kamali, "Islamic Commercial Law: An Analysis of Futures" dalam *The American Journal of Islamic Social Sciences* [13:2], (Summer 1996), Virginia : International Institute of Islamic Thought, hal. 204.
- ¹² M. U. Chapra, "The Role Of Stock Exchange In An Islamic Economy (comment on M.M. Metwally's)" dalam Sheikh Ghazali Syeikh Abod et al., *An Introduction To Islamic Finance*, (1992), KL : Quill Publishers, hal. 356.

- ¹³ _____, "Towards an Islamic Financial System" dalam *Journal of Islamic Economics* [Vol. 1, No. 2], (July 1988), PJ: International Islamic University of Malaysia, hal. 22-25.
- ¹⁴ M.A. Mannan, *Islamic Economics : Theory and Practice (a comparative study)*, (1987), Lahore : SH. Muhammad Asyraf, hal. 197.
- ¹⁵ Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* [Jil. 1], hal. 32; cf. al-Nawāwī, *Ṣaḥīḥ Muslim* [Juz. 10], hal. 168-169.
- ¹⁶ Lihat nota no. 27.
- ¹⁷ Muhammad Akram Khan, "Commodity Exchange And Stock Exchange In An Islamic Economy" dalam Sheikh Ghazali Syeikh Abod et al., *op. cit.*, hal. 314.
- ¹⁸ *Ibid.*, hal. 323.
- ¹⁹ S. A. Jabbar Shahabudin, "Comments on M. Akram Khan's : Commodity Exchange and Stock Exchange in an Islamic Economy" dalam *Journal of Islamic Economics* [Vol. 1, No. 2], (July 1988), PJ : International Islamic University of Malaysia, hal. 71-76.
- ²⁰ *Ibid.*, hal. 72.
- ²¹ *Ibid.*
- ²² *Ibid.*, hal. 72-73.
- ²³ *Ibid.*, hal. 73.
- ²⁴ Ṣubḥī Maḥmaṣṣānī (Dr.), *al-Nazariyyāt al-ʿĀmmah li al-Mujibāt wa al-Uqūd fī al-Sharīʿat al-Islāmiyyah* [Juz. 2], (1972), Beirut : Dār al-ʿIlm li al-Malāyīn, hal. 327.
- ²⁵ ʿAbd al-Karīm al-Khaṭīb, *al-Siyāsāt al-Māliyyah fī al-Islām wa Ṣillatuhā bi al-Muʿāmalāt al-Muʿāṣirah*, (1976), Cairo : Dār al-Fikr al-ʿArabī, hal. 170.
- ²⁶ M. Hashim Kamali, *op. cit.*, hal. 198.
- ²⁷ Ibn Qayyim, *ʿAun al-Maʿbūd Sharḥ Sunan Abī Dāwūd* [Juz. 9], (tiada tarikh), Beirut : Dār al-Fikr, hal. 401; cf. al-Sijstānī, *Sunan Abī Dāwūd* [Juz. 3], (tiada tarikh), Miṣr : Dār al-Iḥyāʾ al-Sunnat al-Nabawīyyah, hal. 283; cf. al-Mubarakfūn, *Tuḥfat al-Aḥwādīḥ bi Sharḥ Jāmiʿ al-Timīdhī* [Juz. 4], (1990), Beirut : Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, hal. 360-363; cf. Ibn Qudāmah, *al-Mughnī* [Juz. 4], (1972), Beirut : Dār al-Kitāb al-ʿArabī, hal. 228.
- ²⁸ "Al-aṣl fī al-ashyāʾ al-ibāḥah, ḥattā yadulla al-dalīl ʿalā al-taḥrīm." Lihat al-Suyūṭī, *al-Ashbāḥ wa al-Nazāʾir*, hal. 60.

²⁹ Ralph H. Jones, "The Nature of Research" dalam Ralph H. Jones (ed.), *Methods and Techniques of Educational Research*, (1973), Illinois : The Interstate Printers & Publishers Co., hal. 4.

³⁰ *Ibid.*